



# KENYATAAN TAWARAN

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai kepakaran di dalam bidang pengurusan keselamatan kebakaran bagi menyertai tawaran berikut :-

BIL.	NO. TAWARAN/ TAJUK TAWARAN	TEMPAT, TARikh DAN MASA TAKLIMAT	TEMPAT, TARikh DAN MASA TUTUP TAWARAN
1.	<b>JBPM:T/(S)/14/2024</b>  Permintaan Untuk Cadangan (Request For Proposal) Bagi Perkhidmatan Merancang, Membangun, Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah, Mengoperasi, Menyelenggara dan Menaiktaraf Sistem Pengawasan Kebakaran Automatik (SPKA) Kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Tempat:  Bilik Media, Aras 1, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, No. 51 Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya  Tarikh: <b>13 November 2024 (Rabu)</b>  Masa: <b>10.00 pagi</b>	Tempat:  Cawangan Pengurusan Kewangan, Aras 1, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Lebuh Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya.  Tarikh Tutup: <b>23 Disember 2024 (Isrin)</b>  Masa: <b>12.00 tengah hari</b>

- Sesi taklimat bagi Tawaran Panel diatas adalah **DIWAJIBKAN**. Mana-mana syarikat yang tidak menyertai taklimat tersebut **TIDAK AKAN DIBENARKAN** untuk menyertai tawaran berkenaan. Hanya seorang wakil **DIBENARKAN** dan mewakili **SATU (1) SYARIKAT SAHAJA** yang boleh menghadiri sesi taklimat tersebut. Syarikat perlu mengemukakan satu (1) salinan Borang 49 Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bersama surat wakil kuasa sewaktu sesi pendaftaran.
- Pautan bagi Dokumen Tawaran boleh diperolehi pada waktu pejabat mulai **13 November 2024 (Rabu)** dari Cawangan Pengurusan Kewangan, Aras 1, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Lebuh Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya.
- Harga senaskah Dokumen Tawaran adalah berjumlah **RM 1,500.00** secara bayaran **Tunai** atau dalam bentuk **Kiriman Wang Pos (money order)/Bank Deraf** yang dibuat atas nama **KETUA PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.
- Tawaran Kewangan** dan **Tawaran Teknikal** yang lengkap serta dokumen sokongan yang lain hendaklah dimasukkan ke dalam dua (2) sampul surat yang berasingan yang berlakir bagi **Tawaran Teknikal** dan **Tawaran Kewangan** serta dicatatkan **Nombor Cadangan Pembekal (RFPJBPM/SPKA/2024/\*\*)** dan **Nombor JBPM:T/(S)/14/2024** pada penjurut asas sebelah kiri kedua-dua sampul surat. Tawaran kedua-dua sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu (1) sampul surat yang **berlakir** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Cawangan Pengurusan Kewangan, Aras 1, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Lebuh Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya**. Tarikh tutup serahan adalah seperti jadual diatas.
- JBPM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen tawaran yang dikemukakan melalui pos. JBPM juga tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran. Tawaran yang lewat dikemukakan tidak akan dipertimbangkan.
- Kenyataan tawaran ini juga dipaparkan di laman web <http://www.bomba.gov.my>, dan <http://www.kpkt.gov.my>